

U GB 23-09 00190 BA444

aab

MALAYSIA-IRELAND KENAL PASTI BIDANG KERJASAMA

- Mahathir - Kerjasama

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

DUBLIN, 23 Sept (Bernama) -- Malaysia dan Ireland telah mengenal pasti pelbagai bidang kerjasama bertujuan meningkatkan hubungan dua hala dan memesatkan kemajuan ekonomi masing-masing.

Bidang-bidang itu termasuk pendidikan, pelancongan, perdagangan dan pelaburan, penerbangan awam, khidmat jururunding dan perkhidmatan lain.

Persetujuan mengenai perkara itu dicapai pada pertemuan antara Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya di Ireland, Encik Albert Reynolds, pada hari Selasa.

Kedua-dua Perdana Menteri itu memberitahu persidangan akhbar bersama setamatnya pertemuan selama satu-setengah jam itu, bahawa mereka juga telah bersetuju supaya rundingan susulan akan diadakan oleh pegawai kedua-dua negara kemudian untuk memutuskan cara pelaksanaan kerjasama itu.

Yang turut menghadiri mesyuarat itu dari Malaysia ialah Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Leong Sik, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad.

Perdana Menteri Ireland diiringi oleh menteri-menterinya bagi Pendidikan, Pelancongan, Pengangkutan dan Perdagangan. -- Lagi.

▼23/09/12-54MST

U GB 23-09 00160 BA445

aab

Mahathir - Kerjasama 2 Dublin

Dr Mahathir berkata Ireland mungkin boleh mengambil lebih banyak pelajar Malaysia dalam bidang perubatan memandangkan tempat di fakulti perubatan universiti-universiti tempatan tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan.

Beliau berkata Malaysia merasa gembira dengan kesediaan Ireland itu, lebih-lebih lagi apabila Britain memutuskan untuk mengurangkan pengambilan pelajar Malaysia dalam bidang itu sejak beberapa tahun lepas.

Kini kira-kira 450 pelajar Malaysia mengikuti pengajian di universiti-universiti di Ireland, kebanyakannya dalam bidang perubatan dan pergigian.

Reynolds pula berkata suatu bentuk kerjasama boleh diwujudkan antara institusi perubatan Ireland dan universiti-universiti Malaysia.

Mengenai perdagangan dan pelaburan, kedua-dua Perdana Menteri itu berkata bahawa mereka bersetuju tentang perlunya dipertingkatkan lagi hubungan dalam bidang-bidang itu.

Imbangan perdangan antara kedua-dua negara itu sekarang lebih memihak kepada Malaysia dengan eksportnya berjumlah 42 juta pound Ireland dan import 25 juta pound Ireland.

(Kadar tukaran semasa ialah M\$4.80 bagi 1 pound Ireland). -- Lagi.

▼23/09/13-08MST

Mahathir - Kerjasama 3 (Akhir) Dublin

Reynolds berkata beliau yakin bahawa keadaan yang tidak seimbang itu akan dapat diatasi tidak lama lagi bersama-sama dengan peningkatan jumlah perdagangan secara keseluruhan.

Dr Mahathir berkata oleh kerana Malaysia berminat untuk menambah eksportnya ke negara anggota Kesatuan Eropah (EC), ia pasti akan memberi pertimbangan untuk menggunakan Ireland sebagai pangkalan bagi eksportnya ke Eropah, jika langkah itu menguntungkan.

Mengenai pelaburan, beliau menyambut baik penyertaan pelabur Ireland, berdasarkan persaingan, dalam pelaksanaan projek-projek besar di Malaysia, termasuk lapangan terbang antarabangsa yang baru di Sepang.

Reynolds juga menyambut baik penyertaan pelabur Malaysia untuk melabur di negaranya, sama ada secara bersendirian atau secara usahasama dengan usahawan Ireland.

Pertubuhan swasta di Ireland juga berminat untuk menyediakan perkhidmatan jururunding kepada usahawan Malaysia terutama dalam bidang kejuruteraan, katanya. -- Bernama.

▼23/09/13-19MST